

Rakyat Malaysia mesti ada budaya berprestasi tinggi

BERDASARKAN mandat begitu besar dan kepercayaan tinggi diberikan rakyat pada pilihan raya umum lalu, apakah ini bermakna kerajaan, parti dan Datuk Seri sendiri lebih bersedia mendengar atau memberi peluang kepada pandangan berbeza?

PAK LAH: Saya menganggap bahawa dengan mandat yang begitu besar, ia bermakna harapan begitu tinggi dan mungkin juga ada ciri-ciri tidak sabar, semua hendak melihat sesuatu yang berlaku sebanyak-banyaknya dan dengan secepat-cepatnya. Ini tentu sekali mengambil kira manifesto yang telah dipersembahkan kepada rakyat pada pilihan raya umum itu.

Jadi saya amat memahami. Maka dengan itu, kerja-kerja sebaik saja saya tubuhkan kerajaan ialah memikirkan (bagai) nana nak melaksana kannya. Tapi sebelum daripada itu, ketika saya sudah pun menjadi Perdana Menteri, sebaik saja Dr Mahathir menyerahkan jawatan kepada saya, pada masa itu saya sudah mula berfikir mengenai hal ini. Idea-idea yang hendak diperkenalkan, pendekatan yang hendak diperkenalkan pada waktu itu, macam pendekatan yang saya kata pada masa itu ialah kita hendak bekerjasama walaupun dah lepas menang, saya kata bekerja bersama saya, bukan untuk saya.

Ini semua *testing ground* sebelum pilihan raya untuk melihat pendekatan yang dapat disenangi rakyat, bukan hanya untuk mereka seronok tetapi pendekatan yang realistik, yang boleh membawa kepada perubahan yang kita harapkan kerana saya memegang kepada falsafah ia itu kejayaan kerajaan mesti berupa kejayaan yang disertai bersama oleh rakyat. Rakyat memainkan peranan penting untuk kerjasama, membantu. Kemudian dalam ma-

SELEPAS mencatat kejayaan cemerlang dalam pilihan raya umum Mac lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkongsi pandangan mengenai pelbagai langkah yang sudah dan akan diambil kerajaan, dalam program khas bersama Perdana Menteri yang disiarkan TV1 malam tadi. Beliau turut menghuraikan pelbagai perkara mencakupi hala tuju, wawasanya dan agenda Bumiputera, selain ditanya mengenai harapan dan nasihatnya kepada perwakilan Umno sempena mesyuarat peringkat bahagian yang bermula semalam. Wawancara itu dipengerusikan Datuk Johan Jaafar dengan panelnya terdiri daripada Pengarang Kumpulan Berita Harian, Hishamuddin Aun dan Pengarang Berita Bernama, Anmad Zukiman Zain.

nifesto, saya kata *to empower the rakyat, empowerment of the people*. Dengan itu, maka kerajaan pun, parti pun akan rasa mereka juga bertenaga oleh sebab sokongan rakyat

Yang keduanya, saya memahami saya mewarisi satu kejayaan yang besar, pembangunan negara sebelum saya yang diterajui oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada masa itu, sekarang Tun Mahathir. Pendirian saya ialah apa yang diwarisi ini biarlah dapat dipelihara supaya tidak kekurangan, tidak susut. Tetapi di samping itu, saya mesti pastikan apa yang perlu dibuat ialah mencari sasaran baru dan berusaha untuk mencapai masa depan yang lebih baik.

Saya lihat Wawasan 2020 ini bukan pada paras yang sama jika pada hari ini, jauh ke depan. Saya lihat Wawasan 2020 ini ada matlamat yang jauh ke depan tetapi di atas. Maknanya, saya mesti berusaha mencari pendekatan yang akan memberi keupayaan dan daya kepada rakyat dan negara untuk mencapai sesuatu yang kita harap jadi lebih baik. Maka daripada pendekatan ini yang saya warisi, saya kena jaga dan saya kena usaha supaya latta jadi lebih baik, kita akan menokok-tambah kejayaan dan sebagai-

nya maka di situlah lahirnya pandangan yang telah saya cetuskan sebelum buat manifesto dan reaksinya baik iaitu kita mesti mengubah minda dan sikap kita.

Kita mesti mengubah minda dan sikap kita untuk membolehkan kita bekerja dengan tekun dan berungguh-sungguh dan kita mesti bekerja dengan bermatlamatkan kecemerlangan. Kita mesti orang kata *embrace a culture of high performance*. Rakyat Malaysia semua (mesti ada) budaya prestasi tinggi, kita tak mahu kurang daripada itu. Dengan itu kita mesti mencapai kecemerlangan tapi kecemerlangan belum cukup. Di kalangan yang cemerlang, kita mahu supaya kita jadi yang gemilang dan di kalangan gemilang, kita mesti jadi yang terbilang.

Kalau inilah sikap kita yang berpegang kuat kepada azam dan kehendak untuk menunjukkan prestasi yang tinggi sama ada pelajar di sekolah, pengusaha, peniaga, usahawan, guru, cendekiawan, pentadbir, tak kira siapa tapi semuanya mahu kejayaan, maka saya percaya ada di antara matlamat Wawasan 2020 boleh dicapai lebih awal daripada 2020. Tetapi dengan sikap yang macam ini, yang saya tidak terjemahkan dalam sasaran yang



Saya mesti berusaha mencari pendekatan yang akan memberi keupayaan dan daya kepada rakyat dan negara untuk mencapai sesuatu yang kita harap jadi lebih baik

khusus atau volume ataupun nilai wang yang tertentu tetapi dengan sikap yang ada pada kita, ini yang menjadi cara kita, kita akan dapat pergi lebih jauh daripada 2020. Dia akan berkekal dengan kita. Maka dengan adanya sifat cemerlang gemilang terbilang, maka sekaligus kita akan menjadi bangsa yang lebih kompetitif, berdaya saing. Mesti ada daya saing, kalau tidak, tak boleh jadi cemerlang kerana sepanjang masa kita mesti bersaing dengan negara lain, tambah pula dalam dunia sekarang dengan globalisasi, liberalisasi, bersaing untuk mendapat pasaran, kita tak boleh lari dan dengan itu kita mestilah mengupayakan diri kita, memberikan daya yang lebih kepada kita.

Daripada inilah yang dibawa dalam bentuk macam mana nak mengupayakan rakyat, macam mana nak mengupayakan kerajaan misal-

nya, dan lepas itu macam mana nak mengupayakan sektor swasta. Kita mahu mereka pegang kuat kepada *good governance*, integriti untuk semua, kewibawaan untuk semua, bersih untuk semua, cekap untuk semua dan kita menghapuskan rasuah, 'kita juga ketepikan kerenah birokrasi, kerenah yang melambatkan, kita ketepikan. Maka projek lain kita perkenalkan satu, satu, maka dengan suasana ini, saya harap akan hawa perubahan yang besar kepada minda kita, sikap kita, cara kita bekerja dan dengan kita memperkenalkan satu projek, satu projek, insya-Allah ia akan membawa kejayaan.

Lapan bulan sebenarnya adalah tempoh yang sangat singkat. Apakah dalam tempoh itu Datuk Seri berpuas hati dengan apa yang dihayati atau apa yang ingin dicapai?

PAK LAH: Apa yang berlaku dalam jangka masa lapan bulan ini yang paling besar sekali dan betul memberi kesedaran kepada saya ialah kesah pilihan raya dalam masa itu, iaitu tiga bulan sebelum dan lima bulan selepas pilihan raya. Itu ertinya tindak balas rakyat dan daripada tindak balad itu sudah mula, saya memahami bahawa rakyat sedang menuntut dan mengharapkan sesuatu. Ini sebenarnya yang menjadi tekanan, *it becomes a pressure*. Tapi ada perkara yang kita tidak boleh laksanakan dengan cepat.

Kalau ada *pressure, there is a good feeling*, ya, ia mendesak kita bekerja. Tapi saya tahu nak laksanakan semua ini dia kena ambil masa. Tetapi saya sudah memulakan apakah yang kita perlu capai kemudian sama ada yang hubung kait dengan memerangi rasuah, yang hubung kait dengan meningkatkan kecekapan, mengrangkan kerenah sama ada dengan langkah membina integriti, sama ada ia ada hubung kait dengan kita adakah program untuk mencapai *good governance, transparency, disclosure*, ini kita buat di pihak swasta, kita dah mula.

Tapi apa yang mula hari ini atau mula dalam masa tiga bulan ini, mungkin tidak akan menunjukkan sesuatu yang boleh dilihat dengan nyata. Pasal sekarang ini kalau kita katakan pasal pejabat daerah, memang kita dah kurangkan dia punya kerja tertunggak, khususnya dalam bidang penukaran *title* yang dulu



Orang kita macam-macam boleh buat. Tetapi masalah yang kita lihat, ada kebolehan bertukang tetapi dia punya penyelidikan dan pembangunan (R&D) tak cukup. Dari segi nak *design* tak berapa pandai lagi. *Commercialisation* lagi teruk, mereka tidak ada kemampuan dalam hal ini.

PERDANA MENTERI Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bersama ahli panel (dari kiri) pengacara Program Bersama Perdana Menteri, Datuk Johan Jaaffar, Pengarang Kumpulan Berita Harian Hishamuddin Aun dan Pengarang Berita Bernama, Ahmad Zukiman Zain pada sesi wawancara dengan media di pejabatnya di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya semalam. - Gambar oleh Rosli Ahmad

'Kita mahu peniaga Melayu tulen bukan ejen komisen'

begitu banyak beribu-ribu, 63 peratus sudah pun kita selesaikan. Juga ada perubahan dari segi khidmat kaunter. Tapi saya nak supaya kita dapat Jihat dengan lebih jelas sekali.

Untuk polis, meluang kerja besar ialah kita wujudkan Suruhanjaya Diraja Polis dan saya sangat mengharapkan suruhanjaya ini dapat memberi perakuan yang tegas kepada kita. Usaha sekarang ini untuk memperhebatkan lagi pembangunan pertanian moden. Inipun telah dimulakan. Pendidikan, semua kita dah mula. *It's set.*

Orang kata kalau nak lari, sama ada lari 100 ela atau lari maraton, kira dah tiup wisel dah. tapi satu perkara, Alhamdulillah saya rasa seriang juga ialah dengan ekonomi yang defisit itu, kita dapat menanganinya supaya nanti defisit itu tidak akan bertambah dan kalau bertambah defisit itu nanti semua orang susah hati dan mungkin rating bagi negara kita akan turun. Dan kalau dah turun, pelaburan pun tak akan datang, perniagaan akan menjadi lembab.

Saya telah menyatakan kita akan cermat dan kita akan berhemah supaya kita jaga (kawal) defisit kita. Di samping itu kita jaga supaya jangan sampai kita belanja tak ambil kira tentang defisit itu kerana ini akan membawa mudarat kepada kita. Ataupun jangan sampai kerana terlalu takut, kita kurangkan, jangan belanja itu, jangan belanja ini, semua kurang, kurang, kurang, kalau begitu, ini bererti akan berlaku pula ekonomi kita akan mengecut, *there'll be a contraction of the economy*, dan ini akan membawa pula kepada akibat yang tidak baik kerana ekonomi tak berkembang.

Jadi kita ambil pendekatan, okay, kita buat secara progresif, kita kurangkan dan di samping itu kita mesti keluarkan belanja juga. Kita mesti belanja dengan berhemah. Ini mesti. Dan nak buat itupun mengambil masa yang cukup lama sebab kita nak susun atur batik, kita nak tengok balik macam mana, ada yang dah dapat surat LOI (surat hasrat) tiba-tiba tak dipanggil, apa dah jadi ini kerana nak bankrap ke, yang dapat *letter of award* (LOA) pun tak boleh buat kerja lagi. Apa pasal ni, adakah kami nak kena cancel. Macam-macam yang saya dengar. Tak apalah. Kita bersabar. Kita ni jadi tukang, orang dok tengok, apa ni tak jadi lagi; belum jadi apa.

Semalam saya dah umumkan RM8.5 bilion kerja-kerja yang akan kita laksanakan dan ini dengan wang yang kita ada. Alhamdulillah kita dapat (laksanakan), dan defisit kita tidak membimbangkan. Pada waktu ini saya masih nyatakan ada *good feeling*; Sebab itu ekonomi kita dalam suku tahun pertama 7.6 peratus dan suku tahun kedua ini masih ada harapan untuk mencapai pembangunan yang lebih dari tujuh peratus, Insya-Allah.

Ada yang bertanya betulkah kerajaan ada duit lagi?

PAK L A H : Ada, duit ada tapi kita seboleholehnya berhemahlah dalam berbelanja

Dalam pilihan raya lalu, satu faktor ketara ialah *the feel good feeling* dan Datuk Seri baru menyebut mengenai cabaran yang perlu dihadapi yang memberikan expectation kepada rakyat. Bagaimanakah kerajaan akan mengorak langkah seterusnya?

PAK LAH: Saya bayangkan tadi apa yang kita dah mula sekarang ini, dah mula beberapa program dan program ini akan berterusan untuk masa lama.

Kalau kita katakan tadi dari segi hendak meningkatkan kecekapan pentadbiran bukan hanya dari segi prosedur kena diperbaiki. Manusia itu sendiri, mereka yang bekerja itu pun kena diberi latihan semula dan ditunjukkan apakah dasar baru yang kita laksanakan, mereka perlu fahami. Dalam pendidikan pun kita dah mula, umpamanya, kita sekarang hendak adakan sekolah bestari, kita nak kena bina, bina, bina. Tak ada duitlah kita nak bina semua dan ini mengambil masa yang panjang. Jadi saya kata tak usah bina lagi dah. Jangan bina lagi tapi kita nak bestarikan, kita nak *make the present schools smart. We don't have to build new schools and call them smart schools. But make the present schools smart.* Jadi dengan peruntukan yang banyak yang telah kita sediakan untuk kita bina sekolah bestari itu, maka peruntukan yang sama itu juga boleh digunakan untuk membekalkan infrastruktur, kemudahan ICT (teknologi maklumat dan komunikasi) dan yang lain lagi yang kerananya sekolah yang ada sekarang akan jadi sekolah bestari. Itu satu contoh.

Keputusan dulu yang dibuat masa zaman Tun Dr Mahathir, Sains, Matematik, itupun mesti dijayakan. Ia mengambil masa tapi kita nak laksanakan semua itu. Kita tak nak tinggal. Di samping itu, kita nak perbaiki lagi kurikulum. Dalam bidang pertanian pun saya dah mula. Dulu, bila saya mula bercakap mengenai pertanian, orang kata apa ni Pak Lah cakap pasal pertanian. Mengapa pilih pertanian. Kita cakap sektor perkilangan, sektor pembuatan, ni pi cakap pasal sektor lama ni, sektor yang dah tak berdaya maju. Itu salah. Pandangan itu pada waktu ini berupa satu kesalahan yang besar.

Kalau pada waktu ini, dengan adanya teknologi, bioteknologi yang boleh digabung dengan IGT, yang boleh digabung dengan program mekanisasi, dengan kita menggunakan jentera dikawasan ladang, maka ia akan dapat menghasilkan hasil pertanian yang lebih banyak, lebih tinggi mutunya dan sekali gus akan membawa kepada kemungkinan untuk menjayakan industri kecil dan sederhana.

Tapi nampaknya hanya semacam revolusi dalam bidang pertanian saja yang boleh mengubah corak pertanian negara?

PAK LAH: Saya dah nampak dia akan jadi begitu. Saya ingat dia ada beberapa perkara. Pertanian berkemampuan mewujudkan sumber pendapatan baru, pendapatan tambahan, kekayaan baru. Dua, dengan adanya program industrialisasi bagi asas tani, *agro-based industrialisation*, untuk mewujudkan syarikat kecil dan sederhana (SME), apa maknanya? Maknanya, ini ada pendapatan tambahan, ini ada kekayaan baru dan yang lebih penting pada saya ialah orang di kawasan luar bandar yang terbabit dengan pertanian sudah dibawa untuk masuk ke bidang industri kecil dan sederhana.

Lagi satu, dalam konteks nak meramaikan orang Melayu, Bumiputera dalam perdagangan dan perindustrian, maka apa yang kita lakukan dalam pertanian seperti ini sekali gus akan

meramaikan Bumiputera yang jadi pedagang dan yang terbabit dalam perusahaan kecil. Jadi kita sudah membuka satu perubahan daripada segi ini. Lagi satu bila kita gunakan pendekatan yang saya katakan tadi, pendekatan bioteknologi dan ICI, maka hasil barang-barang akan jadi lebih baik.

Baru-baru ini saya merasmikan Agro-Bazaar yang membolehkan pengusaha di kampung, dia tunjuk satu demonstrasi usahawan wanita, dia buat kerepek ubi tapi setelah diajar supaya dibungkus dengan baik, nampak kemas, cantik, menarik dan bersih dan kualiti kerepek ubi pun baik, dan diajar pula bagaimana hendak dipasarkan dan pemasarannya itu dibuat dengan menggunakan komputer dan dia ada laman web, dia demostrate kepada saya tunjukkan senarai gedung beli-belah atau pasar raya yang menjadi pelanggan. Mereka dah tahu di mana dia ada dari mereka terus buat pesanan pada dia. Jadi bila saya diberitahu oleh Tan Sri Muhyiddin (Yassin, Menteri Pertanian dan Asas Tani), dia kata, Pak Lah, tahu tak nilai jualannya mencecah RM1 juta. Maka inilah guna komputer, guna kaedah lain, nanti kemudian dengan bioteknologi boleh jadi kualiti ubi kayu lebih baik lagi, maka nilai hasil akan lebih tinggi.

Kita akan gunakan pendekatan yang sudah jadi model dan contoh ini untuk barang-barang lain. Maka wanita ini, kalau dulu suaminya setakat berkebun ubikayu, jual ubi kayu ditepi jalan, sekarang dia sudah menjadikannya bahan yang boleh dijadikan asas industri. Mereka sudah menjadi pengusaha kecil sekarang ini, bukan lagi pak tani, tapi pengusaha kecil. Lepas itu peniaga, dan bila dia dah ada pendapatan tambahan, dia ada kekayaan baru. dia sudah ada industri.

Kalau orang seperti ini diramaikan lagi bilangannya, sekarang pun dia orang dengan bazar agro pun dah ada dekat 800 orang dan diramaikan lagi, maka sekali gus kita akan melihat bahawa kawasan luar bandar itu dimodankan.

Weakest link kita dari segi pertanian ini adalah aspek pemasaran. Ini masalah yang harus ditangani untuk memungkinkan petani kita mendapat pulangan lebih baik.

PAK LAH: Hari ini kita dah mula mengupayakan, meninggalkan daya usaha mereka di luar bandar, tapi benda ini adalah untuk semua, bukan hanya untuk Melayu, untuk semua rakyat tanpa mengira keturunan, tanpa mengira agama. Tetapi kawasan luar bandar ini ialah kawasan yang diketahui mempunyai ramai orang Melayu, Bumiputera yang ramai terbabit dalam sektor pertanian yang kita sedang berusaha untuk memodankan.

Datuk Seri passionate mengenai isu yang membabitkan soal rakyat jelata dan saya nak kaitkan sikit dengan usaha meningkatkan kemampuan atau keupayaan ekonomi orang Melayu. Apakah Datuk Seri berpuas hati dengan pencapaian rata-rata orang Melayu selepas Dasar Ekonomi Baru, misalnya, pada peringkat sekarang?

PAK LAH: Setakat ini ada juga kejayaan yang kita peroleh. Kalau dulu, orang katakan kita tidak nampak adanya masyarakat peniaga dan pengusaha Bumiputera, sekarang kumpulan itu telahpun muncul. Soalnya apa yang kita boleh lakukan untuk mengupayakan mereka lagi supaya nanti mereka akan jadi lebih besar dan mereka akan lagi lebih berdaya maju dari yang pentingnya mereka, dengan itu, boleh bersaing dan tanpa tongkat selama-lamanya. Saya dulu kata dah buanglah tongkat tu, maknanya tak habis-habis bantu. Mereka sudah mampu.

Hari ini sudah ada syarikat Bumiputera yang tak perlu lagi kepada sebarang bantuan. Kita nak meramaikan golongan ini. Saya tidak katakan hak-hak tertentu yang telah diberikan kepada Bumiputera berasaskan kepada dasar yang kita sudah dan sedang laksanakan. saya tak kata buan, buang, buang, jangan lagi pakai. Tidak. Masih boleh digunakan tapi di samping itu, kita hendak mereka yang mampu berusaha yang mampu jadi lebih berjaya lagi. *try to be on your own*. Pastikan dapat berusaha dengan sendiri. Yang inilah apa yang saya hendak sangat.

Jadi kita sekarang ini sudah sampai ke satu peringkat kita nak meramaikan kumpulan

syarakat Melayu yang terbabit dalam perniagaan, biarlah ramai peniaga dan pengusaha sendiri, bukan nak meramaikan ejen komisen saja. Ejen komisen ini dalam erti kata sebenarnya bukan peniaga, bukan pengusaha kerana dia hanya menemukan, membantu dan dapat menjayakan projek ke. tender ke, maka dengan itu ada komisen. Ini juga satu bisnes, saya tidak, kata ini bukan bisnes, saya tak kata bukan bisnes ini tak baik, tapi kita tak bolehlah nak mewujudkan masyarakat Melayu yang terdiri daripada orang yang berniaga ambil komisen semata-mate Kita mahu mereka jadi peniaga yang *solid* yang dibina atas keusahawanan. Itu akan jadi lebih kekal, dia tak bergantung kepada orang lain. Jangan bergantung kepada orang lain.

Kalau orang lain tak berniaga maka dia tak adalah komisen. Itulah arah yang kita tuju. Insya-Allah, kita akan dapat lihat betul betul *solid*. Melayu yang berjaya usahawan.

Ada dua pengumuman besar Datuk Seri buat yang seharusnya mengembirakan ramai, Pertama meningkatkan perbelanjaan pembangunan untuk Rancangan Malaysia Kelapan dan terbaru pengumuman projek bernilai RM8.5 billion. Bagaimanapun, kita masih dengar rungutan kontraktor Bumiputera, khususnya bahawa bayaran masih lambat dan kontrak tidak sebanyak dulu. Ada juga satu golongan yang melihat pengumuman besar yang dibuat seolah-olah Datuk Seri mengambil pendekatan populist. Bagaimana Datuk Seri hendak menyangkat tanggapan sebegitu.

PAK LAH: Jadi ini orang kata kalau ambil pendekatan populist, dia tidak ada niat nak belanja, nak berusaha, itu bukan pendekatan. Selama-lama saya tak setuju dengan pendekatan populist itu, tetapi kalau kita mengumumkan sesuatu yang kita nak buat kerana orang rasa senang dan program itu 'akan menjadi program yang popular, bukan saya yang popular. Inilah yang saya kehendaki sangat.

Dalam hal ini juga, memang baru-baru ini Presiden Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Datuk Seri Abdul Rahman Maidin beritahu saya RM120 juta bil yang tak bayar lagi. Kenapa jadi macam ini? Pasal apa tak bagi tahu dekat saya? Kite tak tahu kalau kawan tak bagi tahu. Saya terus cakap kepada Tan Sri Nor Mohamad Yakcop (Menteri Kewahgan Kedua). Saya kata anda beritahu kementerian mana yang bertanggungjawab.

Dia beritahu kementerian mana yang bertanggungjawab. Saya tanya mengapa jadi begini. Adakah mereka kekurangan dana? Bagaimanapun, saya kata anda bayar dulu daripada Perbendaharaan. Selepas itu, soal kementerian kita berhubung dengan kementerian. jangan cuba nak menyelesaikan dengan kementerian dan melambatkan pembayaran. selepas tiga hari, dia kata sudah bagi semua. Kementerian berkenaan dah bayar...*should be alright* dah.

Takkan setiap masa Perdana Menteri yang harus membuat keputusan seperti itu?

PAK LAH: Itu dah jadi *micro management*. Kalau nak *micro management* urus semua itu, tak terbuatlah. Kita nak buat projek pertanian untuk Bumiputera Bumiputera akan ada bahagian yang cukup besar pasal banyak mereka terbabit dalam pertanian. Mereka akan ada peranan yang besar dalam hal ini. Program mengindustrialisasikan usaha dalam bidang pertanian, menjadikan mereka peniaga dan pengusaha. Alhamdulillah.

Mengenai RM8.5 bilion, itu selepas saya susun balik. Kita nak senaraikan balik mengikut keutamaan. Kita nak belanjakan sekarang ini, dengan program yang kita tambah RM10 bilion termasuk projek yang kite laksanakan, projek yang akan dapat mewujudkan faedah sampingan, keuntungan dan di samping itu juga dapat menyumbang ke arah menjana pertumbuhan ekonomi.

Bercakap soal keupayaan ekonomi Bumiputera, kita harus terima hakikat bahawa total equity market masih mencatatkan keadaan yang belum dapat kita banggakan berbanding kaum lain. Apakah Datuk Seri merasakan ini agenda Melayu yang mesti diteruskan dan apakah Datuk Seri akan membuat satu kenyataan dasar mengenainya?

PAK LAH: Ada lagi perkara lain yang nak saya laksanakan dari segi membantu meningkatkan lagi apa yang dipanggil ekonomi Melayu. Sebenarnya; kita tak perlu panggil ekonomi Melayu dan bukan Melayu, tetapi, oleh sebab orang Melayu Bumiputera itu suatu golongan yang agenda untuk penyusunan semula masyarakat dalam Dasar Ekonomi Baru itu sampai hari ini masih tak tercapai lagi kerana kita melalui perubahan, persaingan dan macam-macam.

Dari 1970-an sampai sekarang, berapa kali berlaku kemelesetan ekonomi selepas itu berlaku pula krisis mala wang. Krisis mata wang itu sebenarnya telah menurunkan peratus penyeritaan Bumiputera dalam perniagaan. Jadi, syarikat Bumiputera menguncup, peratusnya turun balik. Jadi, kita kena berusaha.

Pada saya, memang kita kata penyatuan itu akan saya usahakan dan akan menganggap apa yang saya usahakan mulai pertanian dan lain-lain lagi akan menjadi lebih hebat lagi. Kita sekarang tengok, pula industri yang ada di kampung dan yang ada kaitan dengan pertukangan dan kraftangan. Sekarang saya tengok batik ada potensi. Walaupun promosi batik bukanlah saya yang usahakan, ini isteri saya (Datin Seri) Endon (Mahmood). Sekarang saya tengok batik banyak melahirkan Bumiputera yang berjaya. Macam mana nak bagi nilai yang lebih, macam mana nak menembusi pasaran. Sebab itu saya katakan batik Malaysia bukan hanya sekadar untuk dipasarkan dalam negeri kita saja.

Ia sepatutnya dijadikan satu jenama antarabangsa yang dipasarkan di bawah apa yang sekarang ini sudah ada minat, apa yang dikatakan *ethnic product*, sudah menjadi satu perkara yang diminati oleh pasaran dunia seperti fesyen etnik, fabrik dan macam-macam lagi. Batik itu sebenarnya adalah kita. Rakyat Malaysia lain pun sudah menggunakan batik. Sudah jadi batik Malaysia. Jadi, yang lain lagi itu tampillah.

Orang kita macam-macam boleh buat. Tetapi masalah yang kita lihat, ada kebolehan bertukang tetapi dia punya penyelidikan dan pembangunan (R&D) tak cukup. Dari segi nak *design* tak berapa pandai lagi. *Commercialisation* lagi teruk, mereka tidak ada kemampuan dalam hai ini. Jadi macam mana? pandai tu pandai.

Saya sudah bercakap dengan pihak Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan kita bersetuju untuk wujudkan program yang dipanggil 'Tunas Mekar'. Ambil usaha yang ada, yang pandai saja tetapi untuk nak mengurus, membuat perniagaan, pemasaran tak tahu. Kita ambil pelajar lulusan UiTM dalam bidang pengajian yang berkaitan pengurusan perniagaan, pemasaran, kita bentukkan kerjasama.

Katalah Pak Din dengan produk batu. Kita harap anak muda yang telah pun diperkenalkan dengan Pak Din ini dan dilahirkan minat, dialah yang menjadi pengusaha, membesarkan perniagaannya. Kita ambil contoh komputer 40 tahun dulu. Tetapi apabila anak pengusaha itu balik dengan kebolehan, kelulusan dia dalam bidang kejuruteraan, dia yang menjadi pengusaha bapa dia. Ada juga anak hari ini yang memperbesarkan perusahaan bapa dia (lalu) menjadi lebih hebat. Anak dia kemudian akhirnya menjadi usahawan besar. Mengapa anak orang kita tak dapat lihat pekerjaan bapanya. Dia tidak tengok di situ ada kekayaan, peluang yang besar di masa depan. Bapanya juga tidak nampak perniagaan kecilnya itu boleh dibesarkan. Dia lebih suka anaknya jadi kerani, pengurus. Tak payahlah kerja macam bapa, nak habiskan sisa hidup. "

Mesyuarat peringkat bahagian Umno bermula semalam dan apakah yang Datuk Seri harapkan serta nasihat kepada ahli parti?

PAK LAH: Saya harap ialah supaya pemilihan parti ini berjalan dalam suasana baik. Kita mahu Umno itu kuat dan bersalu padu. Kita baru lepas pilihan raya umum. Untuk nak melaksanakan apa yang kita janjikan kepada rakyat dalam pilihan raya, kita perlu kekuatan... kekuatan kerajaan yang disokong dengan kekuatan parti. Kalau kita bermasalah, dalam parti, berdebat semasa diadakan pemilihan dalam parti, ini melemahkan kita, melemahkan parti, melemahkan kerajaan. Kalau Umno lemah, boleh melemahkan Barisan Nasional (BN) juga. Jadi tentulah mengecewakan rakyat.

'Saya keliru (kata rakyat), *we give you mandate*' (kita beri anda mandat), mandat lebih

besar... sampai dah lupa nak beri perhatian kepada negara, macam mana?'. Orang dok tunggu, apakah dengan mandat yang besar yang diharapkan itu, Umno ni bekerja tak nak memikul tanggungjawab seperti diamanahkan. Adalah orang yang bercakap macam itu, kata 'Pak Lah what's happening? (Pak Lah apa dah jadi?)'.

Saya kata, pemilihan dalam parti mesti dilakukan dan tidak boleh ditangguh, dibatalkan. Cuma saya harap, ikutlah peraturan, buatlah dengan baik... ikut perlembagaan kita supaya tidak ada kacau, gaduh apa-apa. Janganlah nanti kalau dah bergaduh dalam parti, pemilihan parti dah selesai, semua selesai... kesan buruk kesan pemilihan berkelahi lagi, bergaduh lagi. Yang saya bimbang satu iaitu SMS (khidmat pesanan ringkas), surat layang, emel dan macam-macam, reka cerita yang tak habis-habis, cerita yang bukan-bukan hanya semata-mata kerana nak menang dalam pemilihan dengan melemparkan tuduhan yang bukan-bukan.

Perbuatan ini tak baik. Kalau ini fitnah, rosaklah semuanya. Itu dah tak baik. Kalau rasuah diselesaikan, 'tetapi permainan politik dibiasakan membolehkan kerja yang macam ini; *character assassination*, menyebarkan fitnah, reka cerita hanya nak melingkupkan orang yang dianggap sebagai lawan, maka akhirnya tidak ada apa yang baik.

Dalam menghadapi pertandingan, kita lihat ada pelbagai reaksi misalnya pada peringkat bahagian. Ada yang menerima baik pertandingan, malah ada yang merengek, rasanya tidak harus dicabar, tidak harus ada pertandingan kerana barangkali kedudukan dalam kerajaan dan sebagainya. Apakah pandangan Datuk Seri?

PAK LAH: Saya tak dapat nak mengawal pandangan orang yang macam-macam, dikeluarkan. Bukan setakat pada peringkat Majlis Tertinggi (MT) pun, peringkat bahagian pun kata, tak payahlah tak payah lawan ketua bahagian. Peringkat cawangan pun kata tak payah lawan ketua cawangan, Idea ini memang bercambah di merata tempat, macam-macam yang kita dengar. Walau apa pun kita tak boleh elak daripada pemilihan yang akan berlaku. Seperti yang saya harap, pemilihan itu berjalan dengan sihat. Itu yang saya harap, sihat... tidak akan membawa kepada kesan buruk yang melemahkan parti kita.

Setelah mengimbas kembali selama 252 hari sebagai Perdana Menteri, apakah saat yang paling menggembirakan Datuk Seri?

PAK LAH: Saat yang paling menggembirakan... saya pun tak tahu macam mana yang paling menggembirakan. Saya sentiasa gembira.

Mungkin kejayaan besar dalam pilihan raya umum lalu?

PAK LAH: Mungkin kemenangan besar itu menggembirakan bagi saya, dapat balik Terengganu. Saya tak sangka... bila saya dalam kereta, orang telefon kata 'Pak Lah Terengganu dah dapat balik'. Saya kata 'Alhamdulillah, ya Allah kita menang', saya tak sedar saya menangis. Endon kata, "*ehh you 'cry.*" Air mata tanpa sedar.

Masa pilihan raya, Datuk Seri ada menyatakan bahawa wakil rakyat BN akan diminta mengemukakan laporan tiga bulan sekali. Apakah mereka sudah berbuat demikian?

PAK LAH: Ada yang dah hantar ke pejabat saya, ada yang hantar melalui Ketua Setiausaha Negara. Ada juga minta tangguh sikit, nak dapatkan butiran. Tak apalah. Itu bukan apa, ada kebaikannya. Satu, ia membolehkan kita tahu apa yang sudah kita usahakan. Keduanya, dia ada rekod pembangunan di kawasan itu. Ada rekod yang dibuat oleh wakil rakyat dan ini pun dapat digunakan oleh Pegawai Daerah, dapat digunakan oleh Unit Perancang Ekonomi mengenai rekod projek pembangunan sama ada besar, sederhana atau kecil yang ada di situ. Tujuannya, ia lebih berupa maklum balas supaya kita tahu. Semua ini nanti kita guna sebagai ramuan maklumat yang boleh kita gunakan bila merancang Rancangan Malaysia Ke-9 (RM-9). Banyak kelebihan berbuat demikian.